

23/02/2001

WIM adakan program ICT untuk wanita

KUALA LUMPUR, Khamis - Institut Pengurusan Wanita (WIM) akan menjalankan program Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) untuk wanita di seluruh negara sebagai usaha memberi pendedahan kepada mereka dalam bidang itu.

Pengerusinya, Datuk Napsiah Omar, berkata program itu diperlukan bagi membuka peluang kepada wanita menyertai dunia Teknologi Maklumat (IT).

"Dunia IT kini semakin jelas. Malaysia sedang melibatkan diri dan wanita mesti berupaya mengikut rentak yang sama," katanya ketika menyampaikan ucapan di majlis perasmian Wisma WIM di Taman Tun Dr Ismail dekat sini, hari ini.

Majlis itu yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut dihadiri isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Menurut Napsiah, antara langkah yang diambil WIM dalam perkembangan IT ialah pelancaran laman Web Lelong-Elektronik, yang mempamerkan barangan yang diderma oleh orang kenamaan termasuk Dr Mahathir dan Yang Dipertua Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar Abdul Rahman.

Dr Mahathir menderma tali leher sutera yang ditandatangani, pin tali leher yang diperbuat dari perak dan satu set manset, sementara Tuanku Ja'afar menyumbang satu edisi terhad dari Koleksi Tuanku yang bertajuk "Port Dickson: Memperingati Cape Rachardo I".

Pada masa yang sama, Dr Mahathir turut menandatangani "Impian Millineum Mahathir" yang disimpan dalam kapsul masa untuk dibuka pada tahun 2051.

Di majlis itu, WIM juga menandatangani memorandum persefahaman dengan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) dengan tujuan menganjurkan satu program baru untuk wanita terutama dalam kesedaran terhadap isu kesihatan.

Antara isu kesihatan yang ditekankan ialah kesihatan mental, kanser, perubatan janin dan kesihatan wanita, kanak-kanak dan keluarga.

(END)